



# REMAJA MENGHIDU GAM: PENGARUH KELUARGA DAN RAKAN SEBAYA

Mohammad Shahid Ismail<sup>1</sup>  
Mahmood Nazar Mohamed<sup>2</sup>

## ABSTRACT

*This paper serves to show the correlation between the habit of sniffing gum and the influences of the surrounding factors. The surrounding factors can be divided into two; parental influence and pressure as well as peer pressure. In order to attain the objective of this research, a cross-sectional survey was conducted on 30 male hostel occupants from Pokok Sena, Gajah Mati, Kedah. The respondents were between the ages of 10 to 18 year olds. Questionnaires were used to derive valuable information pertaining to the respondents' demographic details as well as their relationships with their family and friends. A pre-test was held to evaluate the trustworthiness of the questionnaires. The analysis indicated that 70% of the respondents lived with their parents, 16.7% lived with their mothers whereas 13.3% lived with their guardians. The analysis also revealed that 56.7% of its respondents were urban dwellers and were currently in primary schools. It also indicated that the respondents were given ample freedom by the parents and this indirectly has become a contributing factor towards the gum sniffing habit among youngsters. As far as peers were concerned, this study found that many of the respondents were interested in sniffing gum if their friends introduced it to them. Besides that, many felt that there was no harm in trying out this habit. This study found that youngsters, who felt the pressure of staying at home, were more prone to loneliness and hence, found comfort in being with their friends and engaging themselves in anti-social activities. This study also revealed that*

<sup>1</sup> Graduan, Program Kerja Sosial Pengurusan, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia.

<sup>2</sup> Profesor, Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Universiti Utara Malaysia.

*adequate information and explanation has to be given to the youngsters and their families regarding the gum sniffing habit so that this problem can be handled and subsequently be reduced.*

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh faktor persekitaran yang ada kaitan dengan tabiat menghidu gam. Faktor persekitaran ini terbahagi kepada pengaruh dan tekanan daripada ibu bapa dan faktor serta pengaruh rakan sebaya. Bagi mencapai objektif, kajian menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas ke atas 30 orang penghuni lelaki berumur di antara 10 hingga 18 tahun di Asrama Pokok Sena, Gajah Mati, Kedah. Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai demografi responden serta hubungan seseorang responden itu dengan keluarga dan rakan sebayanya. Satu praujian telah dijalankan bagi melihat kebolehpercayaan soal selidik. Hasil analisis mendapati 70.0% responden tinggal bersama ibu bapa, 16.7% tinggal dengan ibu sahaja dan 13.3% tinggal dengan penjaga dan kebanyakannya belajar di sekolah rendah iaitu 56.7% dan tinggal di bandar. Dapatan ini mendapati bahawa keluarga memberi kebebasan penuh kepada anak remaja mereka dan ini sedikit sebanyak mendorong anak remaja tersebut menghidu gam. Dari aspek rakan sebaya pula, kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai keinginan untuk cuba menghidu gam jika ia diperkenalkan oleh rakan di samping tidak merasa bersalah apabila mencuba menghidu gam. Faktor tempat tinggal juga mempengaruhi remaja untuk menghidu gam. Dapatan mendapati bahawa remaja yang tertekan berada di rumah akan kesunyian dan lebih senang untuk bersama rakan-rakan melakukan aktiviti antisosial. Dapatan juga menunjukkan bahawa maklumat dan penerangan mengenai masalah menghidu gam perlu diberikan kepada keluarga dan remaja supaya masalah ini dapat ditangani.*

### Pengenalan

Gejala menghidu gam di kalangan remaja adalah merupakan suatu realiti dalam masyarakat tetapi ia tidak begitu terdedah kepada umum. Keterlibatan golongan muda ini dalam gejala penghiduan gam amat merugikan negara kerana mereka adalah generasi pewaris negara dan kegagalan membentuk mereka secara positif, akan memberi impak yang besar kepada corak kehidupan generasi masa depan.

Pada usia remaja, seseorang itu akan mengalami krisis membentuk identiti diri. Identiti yang terbentuk itu sama ada bersifat positif atau sebaliknya, bergantung kepada pengalaman yang dilaluinya dan juga



pengaruh faktor persekitaran seperti hasil interaksi dengan keluarga dan rakan sebaya (Mahmood, 1990). Ini bermakna faktor persekitaran mampu mempengaruhi pembentukan identiti seseorang.

Pelbagai tingkah laku antisosial seperti menghidu gam pula boleh terbentuk dalam diri seseorang remaja itu akibat tekanan yang diterima daripada keluarganya. Nik Rosila (1998) berpendapat sikap permisif ibu bapa terhadap kawalan disiplin anak-anak, kepimpinan autokratik, hubungan di antara anak dan ibu bapa yang terganggu, layanan yang kasar, model yang negatif serta keluarga yang berpecah belah, akan menyebabkan anak-anak mengalami tekanan dan kecelaruan emosi yang seterusnya akan melahirkan pelbagai tingkah laku antisosial. Hal ini mungkin mendorong mereka untuk menghidu gam.

Masalah penghiduan gam atau *glue sniffing* merupakan masalah yang perlu diberikan perhatian memandangkan kes-kes ini telah dikesan sejak awal 1980an, yang melibatkan kelompok remaja yang berusia di antara 14 hingga 17 tahun. (Pasukan Petugas Anti Dadah, 1986). Laporan Utusan Malaysia, 11 April 2000, mengenai 3 orang yang dijumpai mati selepas dipercayai menghidu 4 tin gam di Cheras, Kuala Lumpur pada 10 April 2000, mengesahkan bahawa tabiat negatif ini boleh membawa maut.

Kejadian yang berlaku itu telah membuka mata semua pihak agar tidak memandang ringan penularan gejala menghidu gam di kalangan remaja di negara ini. Faktor bahan yang mudah didapati dan murah serta tiadanya kawalan pembelian oleh remaja bawah umur, juga boleh menjadi antara faktor yang menggalakkan remaja mencuba untuk menghidu gam bagi mendapatkan kesan khayal serta merta.

Walaupun pihak kerajaan pernah bercadang hendak menjadikan gam dan bahan inhalan lain sebagai barang kawalan, perkara ini masih belum dilaksanakan. Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Zainal Abidin Zin dilaporkan berkata, amalan menghidu gam yang menyebabkan kematian tiga budak lelaki baru-baru ini dipandang serius dan kerajaan akan mengkaji agar kadar penggunaannya terkawal (Utusan Malaysia, 23 April 2001). Malah yang terkini, YB Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri mengesahkan bahawa kerajaan sedang menggubal Akta Bahan-bahan Yang Mengkhayalkan yang akan mengambil kira penyalahgunaan inhalan seperti gam, *thinner* serta bahan berasaskan nitrat yang lain.

Persoalan yang wujud ialah apakah yang menjadi punca atau faktor penyebab kepada menularnya gejala menghidu gam di kalangan remaja masa kini? Sejauh manakah hubungan kekeluargaan di antara anak-anak dengan ibu bapanya boleh menyumbang kepada kewujudan gejala negatif ini? Adakah kerana remaja tertekan dalam hubungan dengan ibu bapa atau kerana kurangnya kawalan ibu bapa terhadap anak remaja mereka ataupun kurangnya kasih sayang ibu bapa, mendorong anak-anak ini terlibat dengan penyalahgunaan gam?

Selain daripada faktor keluarga, adakah faktor pengaruh rakan sebaya turut menyebabkan gejala negatif ini? Adakah remaja yang terlibat ini terpengaruh dengan rakan sebaya yang mengajak mereka? Adakah tingkah laku ini disebabkan remaja berkenaan takut kehilangan rakan-rakannya atau adakah dengan menghidu gam ini menandakan kesetiaan seseorang remaja itu terhadap kumpulan rakan-rakannya?

### **Objektif**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor persekitaran yang ada kaitan dengan tabiat seseorang remaja menghidu gam. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor pengaruh keluarga dari segi tekanan yang dihadapi dalam keluarga, kurangnya kawalan ibu bapa dan kurangnya kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak, dalam mempengaruhi seseorang remaja itu terlibat dalam penghiduan gam. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat faktor pengaruh rakan sebaya sama ada disebabkan oleh ajakan rakan sebaya, perasaan takut kehilangan kawan atau sebagai lambang kesetiaan kepada rakan, yang mempengaruhi seseorang remaja itu menghidu gam.

### **Ulasan Karya**

Dalam kebanyakan kajian terdahulu sama ada di dalam atau di luar negara, faktor keluarga banyak dibincangkan dalam mempengaruhi tabiat menyalahgunakan bahan. Sikap anggota keluarga itu sendiri yang *devian* akan mempengaruhi anggota keluarga yang lain untuk mencontohi tingkah laku negatif tersebut. Ahmed, Bush, Davidson & Ionnotti (1984) dalam kajian mereka mendapati bahawa penggunaan alkohol dan marijuana di kalangan anggota keluarga akan meningkatkan kecenderungan seseorang kanak-kanak itu untuk menyalahgunakan bahan pada masa depan kerana meniru tingkah laku anggota keluarganya. Hanya 4% kanak-kanak yang hidup dalam keluarga yang tidak mempunyai anggotanya yang mengambil dadah telah menghisap



ganja, berbanding 23% kanak-kanak yang menghisap ganja memiliki seorang anggota keluarga yang mengambil dadah. Manakala 39% lagi kanak-kanak yang mengambil ganja memiliki lebih daripada seorang anggota keluarganya yang menyalahgunakan dadah.

Faktor kekeluargaan juga dikaji oleh Wagner (1993) yang mendapati hubungan kekeluargaan yang *laissez-faire* mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan untuk mengambil dadah berdasarkan kajiannya ke atas 563 orang remaja. Hawkins (1992) dalam kajiannya pula mengenal pasti bahawa terdapat empat ciri keluarga yang mempengaruhi tabiat mengambil dadah di kalangan remaja, iaitu keluarga yang memiliki ikatan kekeluargaan yang rendah di kalangan anggotanya, bentuk pengurusan keluarga yang lemah dan tidak konsisten, berlakunya konflik dalam keluarga dan sikap keluarga itu sendiri terhadap dadah.

Kajian yang khusus mengenai tabiat menghidu gam di kalangan remaja juga memperoleh dapatan mengenai faktor pengaruh keluarga. Duncan (1996) dalam kajian beliau mendapati bahawa faktor masalah dalam keluarga akan membawa kepada tabiat menghidu gam. Di samping itu didapati bahawa faktor-faktor seperti harga gam yang murah dan mudah diperolehi serta tekanan rakan sebaya juga membawa kepada tabiat menghidu gam. Masalah keluarga yang kronik menjadi faktor yang sangat penting berbanding dengan masalah-masalah lain. Ini kerana masalah-masalah yang tercetus dalam keluarga boleh mengakibatkan keretakan nilai diri serta pelbagai masalah peribadi yang lain. Bagi aspek rakan sebaya pula, didapati bahawa kebanyakan individu cenderung untuk hidup atau berada dalam kumpulan. Sokongan dan motivasi daripada rakan dalam kumpulan menyebabkan individu cenderung ke arah tabiat menghidu gam, berbanding dengan keinginan daripada dalam diri mereka sendiri.

Dari segi kekuatan faktor keluarga dalam mempengaruhi seseorang remaja untuk menyalahgunakan bahan terutamanya menghidu gam, terdapat beberapa kajian yang menyatakan faktor interaksi, komunikasi serta aspek kasih sayang dalam keluarga adalah amat penting. Kajian Weinberg (1970) menyatakan bahawa terdapat lebih 60% daripada jumlah remaja nakal yang dikajinya adalah daripada keluarga yang mengalami keretakan.

Kajian oleh Sutherland (1974) juga mendapati ibu bapa yang tidak stabil dari segi emosi dan tidak gembira dengan kehadiran seseorang anak, akan mewujudkan faktor-faktor yang membawa kepada salah laku remaja. Beliau juga mendapati remaja yang kurang menerima kasih sayang daripada ibu bapa, akan menjadi budak nakal dua kali ganda daripada mereka yang menerima kasih sayang.

Jacob (1995) dalam kajiannya mendapati antara punca yang menyumbang kepada penghiduan gam di kalangan remaja ialah kerisauan mengenai markah yang rendah di sekolah dan juga manifestasi atau reaksi daripada kekecewaan kanak-kanak atau remaja yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapanya, kecewa kerana tidak memenuhi harapan ibu bapa dan perasaan tidak selamat disebabkan keadaan ibu bapanya yang selalu berkelahi.

Barnes (1992) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa suasana atau persekitaran keluarga juga memainkan peranan yang penting di mana jika tiada pengawalan dilakukan ke atas remaja akan menyebabkan remaja berasa terasing, penolakan (*rejection*) dan menyumbang kepada perlakuan agresif, salah laku dan kegagalan akademik seseorang remaja.

Faktor kebosanan atau kesunyian disebabkan kekurangan masa bersama ibu bapa juga boleh mendorong remaja untuk menghidu gam bersama rakan-rakan. Kajian oleh Chikszentmihalyi (1987) mendapati bahawa purata masa yang dikongsi oleh remaja dan ibu bapa mereka hanya 12 jam seminggu. Kebanyakan daripada masa itu hanya pada waktu malam dan ketika menonton televisyen. Oleh itu remaja merasa kesunyian dan lebih senang mendampingi rakan sebaya daripada keluarganya.

Faktor kedua yang dibincangkan ialah mengenai pengaruh rakan sebaya terhadap tabiat menghidu gam. Kajian oleh Carroll (1998) menunjukkan bahawa tabiat menghidu gam di kalangan remaja terutamanya adalah berpunca daripada ketidakupayaan untuk mengelakkan diri daripada pengaruh rakan sebaya. Hubungan yang akrab di kalangan rakan sebaya ini adalah disebabkan oleh sikap dan pengalaman yang dilalui mereka. Persamaan pengalaman ini ialah seperti terlibat dengan masalah ponteng sekolah, mengalami masalah dengan pihak polis serta kebanyakan mereka mempunyai sejarah keluarga yang terlibat dengan alkohol dan dadah. Dapatan daripada kajian yang dijalankan ke atas para pelajar di Australia ini menunjukkan bahawa



25% daripada pelajar sekolah tinggi pernah menghidu gam. Majoriti daripada responden mengaku bahawa mereka mula menghidu gam sejak berusia 14 tahun. Punca utama yang membawa kepada tingkah laku ini adalah disebabkan oleh harga gam yang murah dan ia mudah untuk disembunyikan. Selain itu, faktor rakan sebaya yang rata-ratanya dikatakan terdiri daripada ahli-ahli yang memiliki imej sendiri yang rendah serta tidak pernah takut untuk mencuba sesuatu tingkah laku baru, telah mendorong mereka untuk menghidu gam.

Jenkin (1998) melalui kajiannya mendapati bahawa terdapat hubungan antara pengaruh struktur dalam keluarga dengan struktur pengaruh rakan sebaya, bagi seseorang remaja terlibat dengan penyalahgunaan bahan seperti penghiduan gam dan dadah. Keruntuhan institusi keluarga dan terlibat dengan kumpulan rakan sebaya akan menyebabkan seseorang remaja menyalahgunakan bahan.

Kajian yang dibuat oleh American Medical Association (1997) yang diketuai oleh Dr. Gerald Osgood mendapati bahawa 90% daripada remaja Amerika yang berusia dalam lingkungan 11 hingga 17 tahun, cenderung menghidu gam yang signifikannya adalah disebabkan oleh faktor kebosanan hidup yang dialami mereka. Salah seorang daripada responden kajian menyatakan bahawa tabiatnya menghidu gam adalah disebabkan oleh kebenciannya terhadap sekolah, ibu bapa dan keluarga. Oleh itu, untuk melepaskan tekanan dan kebosanan ini, responden menghidu gam dan menganggap ia adalah aktiviti terbaik kerana dapat bersama-sama rakan-rakan menikmati rasa khayal serta keseronokan.

Faktor-faktor lain seperti faktor peribadi individu serta sifat bahan itu sendiri, juga dikenal pasti melalui dapatan beberapa kajian terdahulu. Kajian oleh Rogowski dan Harrison (1989) telah membincangkan berkenaan dengan faktor penyebab remaja menghidu gam. Antara penyebab yang dikenal pasti ialah individu menghidu gam dengan harapan supaya mereka dapat melarikan diri daripada masalah dan kerisauan yang dimaksudkan ialah kehilangan prospek atau arah tujuan dalam kehidupan serta terlibat dalam jenayah-jenayah lain sehingga disingkirkan daripada komuniti.

Kaminsky (1995), dalam kajiannya pula menyatakan bahawa gam adalah merupakan sejenis bahan yang paling banyak disalahgunakan oleh kanak-kanak di dunia. Didapati bahawa antara 5 hingga 15 peratus daripada kanak-kanak jalanan (*street children*) ini berada pada tahap risiko

terlibat dalam penyalahgunaan gam, memandangkan mereka sering terlibat dalam jenayah. Menurut kajian yang dilakukannya, gam menjadi bahan utama untuk disalahgunakan lantaran harganya yang murah serta mudah diperolehi oleh kanak-kanak ini selain *paint thinners* dan petrol. Selain itu, golongan berpontensi yang dikenal pasti juga adalah remaja ponteng sekolah dan bekerja di sektor-sektor yang tidak formal. Majoriti daripada golongan ini adalah terdiri daripada remaja perempuan. Hasil daripada kajian yang dijalankan ke atas mereka mendapati bahawa tabiat menghidu gam adalah disebabkan oleh kemiskinan hidup yang membawa kepada tekanan yang sangat berat, selain kurangnya faktor perlindungan dan perhatian oleh anggota keluarga. Kemiskinan keluarga menyebabkan para remaja ini terpaksa mencari pekerjaan dan mengabaikan pelajaran mereka. Bagi melegakan tekanan yang dihadapi akibat daripada masalah kesempitan hidup, mereka terdorong untuk menghidu gam.

Preboth (2000), turut membuktikan faktor-faktor menghidu gam di kalangan kanak-kanak adalah disebabkan oleh harga gam yang murah, gam senang diperolehi dan juga senang disembunyikan. Di samping itu, kanak-kanak juga cenderung untuk menghidu gam kerana kesan khayal yang diperolehi ketika menghidu gam bersama rakan-rakan.

### **Teori Pembelajaran Sosial**

Dari aspek teori pula, kajian ini menggunakan teori pembelajaran sosial yang mengandaikan bahawa tingkah laku manusia adalah dipelajari melalui interaksi antara manusia dan alam sekitarnya. Teori ini berpegang kepada hukuman dan pujian yang diberikan dan juga peneguhan, yang menyebabkan tindakan yang diambil akan diteruskan (Goode, 1989).

Dalam konteks kajian ini, apabila tingkah laku menghidu gam itu membawa kepada kesan keseronokan bersosial dan kesan *euphoria*, maka tingkah laku menghidu gam itu akan diteruskan. Peneguhan bentuk ini disebut peneguhan positif. Menurut Mahmood (1990), peneguhan positif ialah rangsangan yang diberikan kepada individu selepas berlakunya sesuatu tingkah laku yang dapat meningkatkan kebarangkalian berlakunya sesuatu tingkah laku yang dikehendaki.

Teori pembelajaran sosial juga menerangkan bahawa sesuatu tingkah laku itu boleh dipelajari dengan cara melihat apa yang dilakukan orang lain iaitu dengan cara meniru. Menurut Mahmood (1990), dengan cara meniru, kita mengambil contoh bagaimana tingkah laku itu dapat





dilaksanakan dalam keadaan yang sebenar dan meniru merupakan jalan terdekat untuk kita mempelajari sesuatu.

Ini terbukti apabila kajian tentang tabiat menghidu gam yang dibuat oleh Ahmed, Bush, Davidson dan Innotti (1984) mendapati bahawa penggunaan alkohol dan marijuana di kalangan anggota keluarga, akan meningkatkan kecenderungan seseorang kanak-kanak itu untuk menyalahgunakan bahan pada masa depan, kerana meniru tingkah laku anggota keluarganya.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai demografi responden serta hubungan seseorang responden itu dengan keluarga dan rakan sebayanya. Teknik persampelan digunakan bertujuan bagi mengenal pasti responden yang mempunyai kaitan secara langsung dengan objektif kajian.

Responden terdiri daripada pesalah juvana yang sedang menjalani tahanan sementara dan cubaan akhlak di Asrama Pokok Sena, Gajah Mati, Kedah. Daripada seramai 39 orang pesalah juvana yang menghuni asrama tersebut, seramai 30 orang telah dikenal pasti dan mengaku pernah menghidu gam sebelum memasuki asrama berkenaan. Namun begitu, seramai 19 orang daripada responden tidak berkemampuan membaca dan menulis. Untuk kumpulan ini, penyelidik menggunakan teknik temuduga berstruktur untuk mengisi borang soal selidik.

Soalan soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

*Bahagian A: Demografi* - Bahagian ini terdiri daripada soalan-soalan berskala nominal yang berkaitan ciri-ciri demografi seperti umur, jantina, pendidikan, tempat tinggal, taraf perkahwinan ibu bapa, pekerjaan bapa, pendidikan bapa, pendapatan keluarga, umur ketika responden mula menghidu gam dan lokasi ketika pertama kali responden menghidu gam.

*Bahagian B: Hubungan dengan keluarga* - Bahagian ini mengandungi 15 soalan berskala Likert yang berkaitan hubungan responden dengan ibu bapanya. Soalan-soalan soal selidik ini diambil daripada pengkaji-pengkaji lepas iaitu Kamal (1998) dan Mohd Taib (2000). Soalan-soalan bahagian ini ialah untuk melihat sama ada terdapat

hubungan kekeluargaan yang rapat di antara responden dengan ibu bapanya. Fokus soalan tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu tekanan berada di rumah, kurangnya kawalan keluarga ke atas tingkah laku responden dan aspek kasih sayang ibu bapa terhadap responden.

*Bahagian C:* Bahagian ini juga mengandungi 15 soalan yang menggunakan Skala Likert. Soalan-soalan soal selidik ini diambil daripada pengkaji-pengkaji lepas iaitu Kamal (1998) dan Mohd Taib (2000). Soalan-soalan ini ialah untuk melihat hubungan di antara responden dengan rakan sebayanya. Fokus soalan tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu pengaruh ajakan rakan sebaya, perasaan takut kehilangan rakan dan juga komitmen atau kesetiaan responden kepada rakan baiknya.

Satu prakajian dilakukan bagi meneliti ketepatan borang soal selidik. Prakajian dibuat bagi mengetahui beberapa perkara seperti kesesuaian soalan, kefahaman responden terhadap soalan dan menguji kebolehpercayaan soalan. Menurut Zikmund (1994), praujian merupakan satu bentuk percubaan yang dijalankan dengan sekumpulan responden bertujuan menapis reka bentuk borang soal selidik.

Melalui ujian kebolehpercayaan, sekiranya Cronbach Alpha menghampiri 1, maka kebolehpercayaan dalaman (*internal reliability*) adalah tinggi. Nilai yang kurang daripada 0.6 pula menandakan bahawa kebolehpercayaan adalah lemah. Keperluan minimum yang harus dipenuhi adalah 0.6 dan ke atas. *Item* yang kurang daripada nilai 0.6 akan digugurkan (Sekaran, 2000). Untuk soal selidik hubungan dengan keluarga, nilai alpha ialah 0.75, dan bagi soal selidik rakan sebaya pula ialah 0.71.

## Dapatan

Semua responden adalah laki-laki yang berumur di antara 10-18 tahun, kebanyakannya masih berada di tahap sekolah rendah (56.7%) dan tinggal di bandar.

Responden yang tinggal dengan ibu bapa adalah 70.0%, sementara 16.7% responden lagi tinggal dengan ibu mereka manakala hanya seorang responden atau 13.3% yang menyatakan tinggal dengan penjaga. Sejumlah 80% responden menyatakan bahawa ibu dan bapa mereka masih bersama. Bakinya menyatakan bahawa ibu bapa mereka sudah bercerai. Mengenai tahap pendidikan bapa responden, seramai 19 orang (63.3%) menyatakan bahawa bapa mereka mendapat pendidikan hanya



di peringkat sekolah rendah, manakala bakinya adalah di peringkat tinggi. Kebanyakan ibu bapa bekerja sendiri (40%) dengan pendapatan sebanyak RM500 ke atas.

Responden mula menghidu gam sejak berumur 10 tahun lagi tapi kebanyakan daripada mereka (73.3%) mula menghidu gam di antara umur 12 – 15 tahun. Ramai responden (86.7%) menyatakan bahawa lokasi ketika mereka pertama kali menghidu gam ialah di pelbagai tempat seperti dalam hutan lalang, kawasan padang permainan dan sebagainya. (Jadual 1).

**Jadual 1: Profail Peribadi Responden Mengikut Lokasi Ketika Pertama Kali Menghidu Gam**

Lokasi Pertama Kali Hidu Gam	Jumlah	Peratusan
Rumah Kawan	1	3.3
Di Bandar	3	10.0
Lain-lain	26	86.7
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

Justeru itu, boleh diperhatikan bahawa kebanyakan penghidu gam dalam kajian ini adalah terdiri daripada remaja lelaki, berusia antara 16 hingga 18 tahun, berpendidikan setakat sekolah rendah, tinggal di bandar bersama ibu bapa mereka, yang mana ibu bapa mereka masih bersama. Kebanyakan bapa mereka bekerja sendiri dan pendapatan keluarga mereka melebihi RM1,000.00 sebulan. Golongan remaja ini mula menghidu gam ketika berusia antara 12 hingga 15 tahun dan aktiviti menghidu gam ini dilakukan di tempat-tempat yang tersembunyi seperti di dalam hutan lalang, kawasan pembangunan dan di tepi pantai.

**Hubungan Dengan Keluarga:** Analisis min setiap soalan dalam skala hubungan dengan keluarga mendapati min yang di bawah paras 2.5 menunjukkan wujud masalah dalam hubungan dengan keluarga. Berdasarkan analisis deskriptif ini, min bagi soalanapan iaitu berkaitan sama ada keluarga memberi sepenuh kebebasan kepada responden untuk membuat apa-apa keputusan tentang dirinya sendiri memberikan nilai 2.23. Ini menunjukkan bahawa kebebasan penuh yang diberikan oleh keluarga kepada anak remaja, mempunyai kecenderungan untuk mendorong anak remaja tersebut menghidu gam. Keputusan ujian ditunjukkan pada Jadual 2.

**Jadual 2: Keputusan Ujian Deskriptif Bagi Setiap Soalan Soal Selidik Bahagian B: Hubungan dengan Keluarga**

No. Soalan	N	Jumlah	Min
B1	30	131.00	4.36
B2	30	114.00	3.80
B3	30	119.00	3.96
B4	30	108.00	3.60
B5	30	129.00	4.30
B6	30	112.00	3.73
B7	30	106.00	3.53
B8	30	67.00	2.23
B9	30	99.00	3.30
B10	30	90.00	3.00
B11	30	121.00	4.03
B12	30	102.00	3.40
B13	30	99.00	3.30
B14	30	119.00	3.97
B15	30	104.00	3.47

**Hubungan Dengan Rakan Sebaya:** Analisis ini dibuat juga berdasarkan min setiap soalan mengenai hubungan dengan rakan sebaya. Melalui hasil analisis deskriptif, keputusan menunjukkan bahawa terdapat lima soalan yang melambangkan wujudnya masalah dalam hubungan dengan rakan sebaya. Soalan ketiga iaitu mengenai sama ada responden berkeinginan untuk mencuba menghidu gam sekiranya diperkenalkan oleh rakannya, menunjukkan nilai min 1.53. Ini bermakna kebanyakan responden amat bersetuju bahawa mereka mempunyai keinginan untuk mencuba menghidu gam jika diperkenalkan oleh rakan.

Nilai min 1.57 bagi soalan keempat iaitu mengenai adakah responden merasa tidak bersalah sekiranya cuba menghidu gam, menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju untuk tidak merasa bersalah dengan mencuba menghidu gam. Bagi soalan sama ada



responden sukar untuk menolak ajakan rakan sebaya untuk menghidu gam menunjukkan nilai min 1.57. Keadaan ini bermakna ramai responden bersetuju bahawa mereka sukar menolak ajakan rakan sebaya untuk menghidu gam. Bagi soalan sama ada responden seronok menghidu gam bersama rakan-rakan, menunjukkan nilai min sebanyak 1.73. Ini bermakna ramai responden menyatakan yang mereka seronok menghidu gam bersama rakan-rakan.

Soalan bagi melihat sama ada responden mempercayai rakan sebaya mereka yang sama-sama menghidu gam, menunjukkan nilai min sebanyak 2.30. Ini bermakna ramai responden bersetuju bahawa mereka mempercayai rakan-rakan mereka yang bersama-sama menghidu gam. Keputusan ujian ditunjukkan pada Jadual 3.

**Jadual 3: Keputusan Ujian Deskriptif Bagi Setiap Soalan Soal Selidik Bahagian. C: Hubungan Dengan Rakan Sebaya**

No. Soalan	N	Jumlah	Min
C1	30	82.00	2.73
C2	30	95.00	3.17
C3	30	46.00	1.53
C4	30	47.00	1.57
C5	30	47.00	1.57
C6	30	52.00	1.73
C7	30	135.00	4.50
C8	30	119.00	3.97
C9	30	114.00	3.80
C10	30	130.00	4.33
C11	30	69.00	2.30
C12	30	106.00	3.53
C13	30	114.00	3.80
C14	30	81.00	2.70
C15	30	104.00	3.47

Kajian ini turut mendapati bahawa keluarga memberi kebebasan penuh kepada anak remaja mereka dan ini sedikit sebanyak mendorong anak remaja tersebut menghidu gam. Dari aspek rakan sebaya pula, kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai keinginan untuk cuba menghidu gam jika ia diperkenalkan oleh rakan, di samping tidak merasa bersalah mencuba menghidu gam, sukar menolak ajakan rakan sebaya untuk menghidu gam, seronok menghidu gam bersama rakan dan mempercayai rakan mereka yang bersama-sama menghidu gam (Mohd Shahid Ismail, 2001).

### Perkaitan Faktor Demografi dengan Pengaruh Keluarga dan Rakan Sebaya

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis ANOVA sehalu yang digunakan bagi melihat perkaitan ini. Hasil analisis menunjukkan nilai  $p=0.60$ . Ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan pada pengaruh keluarga bagi kategori-kategori umur responden yang diuji.

**Jadual 4: Keputusan Ujian ANOVA Sehalu Bagi Perkaitan Umur Dengan Pengaruh Keluarga**

	Df	Min	F	p
Antara Kumpulan	2	187.098	3.136	0.60
Sesama Kumpulan	27	59.670		
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>			

Seterusnya, ujian ANOVA sehalu di antara *variabe*; "tinggal dengan siapa" dengan pengaruh keluarga memperoleh keputusan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa faktor tinggal bersama anggota keluarga mempunyai perkaitan dengan pengaruh keluarga ke atas tingkah laku seseorang remaja yang menghidu gam (Jadual 5).

**Jadual 5: Keputusan Ujian ANOVA Sehalu Bagi Perkaitan Sekarang Tinggal Bersama Dengan Pengaruh Keluarga**

	Df	Min	F	p
Antara Kumpulan	2	221.548	3.879	0.03
Sesama Kumpulan	27	57.118		
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>			



Bagi mengenal pasti kumpulan “sekarang tinggal bersama” yang mempunyai hubungan paling rapat dengan pengaruh keluarga terhadap penghidu gam, hasil ujian Duncan menunjukkan nilai min yang paling tinggi ialah 59.27, iaitu yang mewakili kumpulan ibu. Ini bermakna faktor sekarang tinggal bersama ibu, mempunyai hubungan yang paling rapat dengan pengaruh keluarga ke atas remaja yang menghidu gam (Jadual 6).

**Jadual 6: Keputusan Ujian Duncan Bagi Perkaitan Sekarang Tinggal Bersama Dengan Pengaruh Keluarga**

Sekarang Tinggal Bersama	N	Subset alpha = .05	
		1	2
Ibu Bapa	21	48.79	
Penjaga	4	50.46	50.47
Ibu	5		59.27
Sig		0.70	0.05

Keputusan analisis menggunakan ujian  $t$  yang dinyatakan pada Jadual 7 menunjukkan nilai  $p=0.439$  dan ia adalah tidak signifikan. Ini bermakna tiada perbezaan antara faktor tempat tinggal sama ada di bandar atau luar bandar dengan pengaruh keluarga ke atas remaja yang menghidu gam.

**Jadual 7: Keputusan Ujian  $t$  Bagi Perkaitan Tempat Tinggal Dengan Pengaruh Keluarga**

	N	Min	$t$	p
Bandar	17	51.8078	0.785	0.439
Luar Bandar	3	49.4000		

Seterusnya bagi meneliti kaitan di antara umur dengan pengaruh rakan sebaya, ujian ANOVA dilakukan dan ia adalah tidak signifikan. Ini bermakna faktor umur juga mempunyai kaitan dengan pengaruh rakan sebaya ke atas remaja yang menghidu gam (Jadual 8).

**Jadual 8: Ujian ANOVA Sehala Bagi Perkaitan Umur Dengan Pengaruh Rakan Sebaya**

	<i>Df</i>	Min	F	p
Antara Kumpulan	2	14.048	0.240	0.789
Sesama Kumpulan	27	58.620		
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>			

Seterusnya, keputusan ujian ANOVA sehala (Jadual 9) menunjukkan nilai F yang signifikan. Ini bermakna faktor “sekarang tinggal bersama”, mempunyai kaitan dengan pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku remaja yang menghidu gam.

**Jadual 9: Ujian ANOVA Sehala Bagi Perkaitan Sekarang Tinggal Bersama Dengan Pengaruh Rakan Sebaya**

	<i>Df</i>	Min	F	p
Antara Kumpulan	2	218.267	5.018	0.014
Sesama Kumpulan	27	43.493		
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>			

Ujian *Post-Hoc Duncan* seterusnya dibuat bagi mengenal pasti kumpulan sekarang tinggal bersama yang mempunyai hubungan paling rapat dengan pengaruh rakan sebaya ke atas penghidu gam. Hasil ujian Duncan ini menunjukkan kumpulan ibu bapa mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu 43.46. Ini bermakna faktor tempat tinggal bersama ibu bapa, mempunyai hubungan yang paling rapat dengan pengaruh rakan sebaya ke atas remaja yang menghidu gam (Jadual 10).

**Jadual 10: Ujian Pos-Hoc Duncan Bagi Kaitan Tinggal Dengan Siapa Dengan Faktor Pengaruh Rakan Sebaya**

Sekarang Tinggal Bersama	N	Subset alpha = .05	
		1	2
Ibu	5	33.0667	
Penjaga	4		41.4667
Ibu Bapa	21		43.4635
Sig.		1.000	0.603





Bagi meneliti perbezaan pengaruh rakan sebaya dengan merujuk kepada tempat tinggal (Jadual 11), ujian mendapati nilai  $t$  yang signifikan. Ini bermakna bagi remaja yang menghidu gam, mereka yang tinggal di bandar lebih terdedah kepada pengaruh rakan sebaya.

**Jadual 11: Keputusan Ujian  $t$  Bagi Perkaitan Tempat Tinggal Dengan Pengaruh Rakan Sebaya**

	N	Min	$t$	p
Bandar	17	43.9529	2.230	0.034
Luar Bandar	13	38.2103		

### Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor persekitaran yang mempunyai kaitan dengan tabiat menghidu gam di kalangan remaja. Seramai 30 orang penghuni Asrama Akhlak Pokok Sena, Gajah Mati, Kedah yang terdiri daripada remaja yang pernah menghidu gam, telah dikenal pasti dan disoal selidik untuk melihat profail demografi serta pengaruh keluarga dan rakan sebaya ke atas mereka.

Daripada data demografi, didapati bahawa kebanyakan penghidu gam adalah terdiri daripada remaja lelaki, berusia di antara 16 hingga 18 tahun, berpendidikan setakat sekolah rendah, tinggal di bandar bersama ibu bapa mereka, dengan ibu bapa mereka masih bersama, bapa mereka bekerja sendiri dan pendapatan keluarga mereka melebihi RM1,000.00. Golongan remaja ini mula menghidu gam ketika berusia di antara 12 hingga 15 tahun dan aktiviti menghidu gam ini dilakukan di tempat-tempat tersembunyi seperti di dalam hutan lalang, kawasan pembangunan dan di tepi pantai.

Bagi menjawab objektif khusus kajian, analisis mikro dijalankan ke atas setiap soalan tekanan dalam hubungan keluarga, yang mana kebanyakan remaja yang menghidu gam kurang bersetuju bahawa faktor tekanan dalam keluarga seperti tertekan berada di rumah, ingin lari daripada masalah dan ibu bapa tidak mengambil tahu masalah peribadi mereka, merupakan faktor yang mempengaruhi mereka untuk menghidu gam.

Dapatan ini juga tidak bersetuju dengan penemuan Chikszentmihalyi (1987) yang mendapati bahawa remaja yang tertekan

berada di rumah, akan kesunyian dan lebih senang bersama rakan-rakan melakukan aktiviti antisosial. Ini disebabkan purata masa yang dikongsi oleh remaja dan ibu bapa mereka hanya 12 jam seminggu dan kebanyakan daripada masa itu hanya pada waktu malam sahaja.

Namun begitu, dari segi kurangnya kawalan keluarga ke atas tingkah laku remaja, dapatan menunjukkan kebanyakan remaja bersetuju bahawa keluarga memberikan sepenuh kebebasan kepada mereka dalam membuat apa-apa keputusan tentang diri masing-masing. Ini bermakna remaja yang menghidu gam kurang dikawal oleh ibu bapa mereka. Dapatan ini menyokong kajian Bernes (1992) yang menyatakan bahawa jika tiada pengawalan dilakukan ke atas remaja, hal ini akan menyebabkan mereka berasa terasing, rendah diri dan boleh mendorong kepada perlakuan yang lebih agresif. Salah laku seperti ini adalah bentuk kenakalan remaja yang di antara kepelbagaian aktivitinya, termasuklah aktiviti menghidu gam.

Aspek kasih sayang ibu bapa pula dikenal pasti tidak mempunyai hubungan dengan tingkah laku menghidu gam di kalangan remaja. Ini berdasarkan nilai min yang tinggi, ditunjukkan melalui analisis deskriptif yang dibuat. Kebanyakan remaja yang menghidu gam mengakui bahawa mereka memperoleh kasih sayang daripada ibu bapa mereka walaupun tidak secukupnya. Dapatan ini tidak bersetuju dengan Jacob (1995), yang menyatakan bahawa tingkah laku menghidu gam merupakan manifestasi dan reaksi daripada kekecewaan kanak-kanak ataupun remaja yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapanya. Kajian oleh Sutherland (1974) yang mendapati bahawa remaja yang kurang menerima kasih sayang daripada ibu bapa akan menjadi budak nakal dua kali ganda daripada mereka yang menerima kasih sayang, juga tidak selari dengan dapatan kajian ini.

Seterusnya dapatan analisis mikro ke atas soalan-soalan mengenai hubungan dengan rakan sebaya, mendapati kebanyakan remaja penghidu gam amat bersetuju bahawa mereka ingin merasai pengalaman menghidu gam setelah diperkenalkan oleh rakan. Kebanyakan remaja ini juga tidak merasa bersalah malah seronok menghidu gam bersama kawan-kawan serta sukar untuk menolak ajakan rakan baik mereka untuk menghidu gam. Dapatan ini adalah sealiran dengan penemuan oleh Carroll (1998), yang menyatakan bahawa tabiat menghidu gam di kalangan remaja adalah berpunca daripada ketidakupayaan mengelakkan diri daripada pengaruh ajakan rakan sebaya, disebabkan



wujudnya hubungan yang akrab hasil daripada sikap dan pengalaman yang dilalui bersama.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan remaja penghidu gam kurang bersetuju bahawa mereka menghidu gam kerana takut kehilangan rakan. Golongan ini berpendapat bahawa mereka tidak akan dipulau atau disisihkan daripada kumpulan rakan sebaya jika meninggalkan tabiat menghidu gam. Dapatan ini berbeza dengan dapatan penemuan oleh Duncan (1996), yang mendapati bahawa individu terasa takut kehilangan motivasi diri jika disisihkan daripada kumpulan rakan sebaya. Oleh itu mereka berpotensi untuk meneruskan tabiat menghidu gam bagi mendapatkan motivasi dan sokongan daripada rakan dalam kumpulan.

Dari aspek keyakinan dan kepercayaan remaja penghidu gam terhadap rakan sebaya mereka, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan remaja penghidu gam bersetuju bahawa mereka merasa lebih yakin bila bersama rakan-rakan dan mereka juga mempercayai rakan kerana bersama-sama menghidu gam. Penemuan ini menyokong kajian Duncan (1996), yang mendapati bahawa remaja menghidu gam kerana kesetiaan mereka kepada rakan sebaya.

Profail pengaruh keluarga yang dikaji menunjukkan bahawa golongan remaja penghidu gam ini diberi kebebasan penuh dan kurang dikawal oleh keluarga. Pengaruh keluarga ini pula sangat kuat ke atas remaja yang menghidu gam bagi kumpulan remaja yang tinggal dengan ibu mereka sahaja. Ini mungkin disebabkan kesibukan ibu yang bekerja mencari nafkah hidup dan pada masa yang sama, harus menguruskan segala hal yang berkaitan dengan anaknya.

Pengaruh rakan sebaya pula dilihat begitu tinggi hubungannya dengan remaja yang menghidu gam. Profail pengaruh rakan sebaya yang dipengaruhi menunjukkan keterlibatan remaja ini adalah kerana ingin merasai pengalaman menghidu gam setelah diperkenalkan oleh rakan. Remaja ini didapati sukar menolak ajakan rakan sebaya untuk menghidu gam, mempercayai rakan sebaya yang sama-sama menghidu gam dan merasa seronok menghidu gam bersama-sama rakan, selain merasa tidak bersalah kerana mencuba pengalaman negatif ini. Dapatan kajian juga mendapati remaja yang tinggal bersama ibu bapa mereka mempunyai perkaitan yang kuat dengan pengaruh rakan sebaya ke atas mereka.



## **Cadangan**

Masalah penghiduan gam di kalangan remaja memerlukan kerjasama semua pihak untuk menanganinya. Penyelidik telah berusaha mendapatkan maklumat berkaitan masalah ini dan dengan adanya maklumat-maklumat berguna ini, penyelidik ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menganjurkan seminar kepada para ibu bapa untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang gejala negatif ini.

Selain memberikan kefahaman kepada ibu bapa, kajian-kajian lanjutan terhadap permasalahan yang sama perlu diperbanyakkan kerana kajian ini hanya menumpukan kepada profail demografi serta pengaruh keluarga dan rakan sebaya sahaja, sedangkan masih banyak lagi aspek yang boleh dianalisis. Oleh itu, penyelidik ingin mencadangkan agar kajian yang akan datang menumpukan pula kepada faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang remaja itu untuk cenderung menghidu gam, dengan mengambil jumlah sampel yang lebih besar. Pengkaji akan datang juga boleh melihat sama ada sifat bahan itu sendiri iaitu mudah diperolehi, murah, mudah disembunyikan dan keupayaan untuk memberikan kesan segera, dapat mempengaruhi kanak-kanak atau remaja itu untuk terlibat dengan gejala penghiduan gam.



## Rujukan

- \_\_\_\_\_. Gam mungkin dijadikan barang kawalan. *Utusan Malaysia*. 23 April 2000.
- Ahmed, S.W., Bush, P.J, Davidson, F.R., & Ionnotti, R.J. (1984). Predicting childrens use and intentions to use abusable substances. Paper presented at the Annual Meeting of the American Pchycological Association, Washington, DC.
- American Medical Association. (1997). Sniffing Glue Proven Effective In Treatment of Adolescent Boredom. The Onion.
- Barnes, G.M. & Farrel, M.P. (1992). Parental Support and Controls as Predicators of Adolescent Drinking, Delinquency and Related Problem Behaviors. *Journal of Marriage & The Family*, (pp 763-774).
- Caroll, A. (1998). Volatile Solvent Use Among Western Australian Adolescent. Adolescent. Winter.
- Chikszentmihalyi, M. (1987). The Pressured World of Adolescent. *Journal of Education Horizons*, 65. (3), 39-45.
- Duncan, R. (1996). The Theory & Practice of Solvent Misuse.
- Hawkins, J.D., Catalano, R.F., & Miller, J.Y. (1992). Risk and protective factors for alcohol and other drug problem in adolescent and early adulthood: implication for substance abuse prevention. *Psychological Bulletin*, 112, 64-105.
- Jacob Sokol. (1995). Glue Sniffing. Narcotic Educational Foundation of America. Los Angeles.
- Jenkin, J.E., & Zunguze, S.T. (1998). The Relationship of Family Structure To Adolescent Drug Use, Peer Affiliation And Perception Of Peer Acceptance Of Drug Use. *Journal Of Adolescence*, 33.810-822.
- Kamal Haji Ab. Hamid. (1998). Profil Juvana dan Pengurusan Pemulihan di Asrama Pokok Sena, Kedah. Tesis Sarjana tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Kaminsky, Donald. C (1995). Street Children. *World Health*. Jul/ Aug. Vol. 48 Issue 4, p26-28.
- Mahmood, N.M. (1990). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



- Mohd Taib Ariffin et.al. (2000). Pola-pola komunikasi kekeluargaan: Kajian di kalangan keluarga penagih dan bukan penagih dadah di negeri Kedah. Laporan Penyelidikan Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Nik Rusila Nik Yaacob. (1998). Kesalahan Juvana: Di manakah silapnya?. *Dewan Masyarakat*. 2 September.
- Pasukan Petugas Anti Dadah. (1986). Penyalahgunaan Inhalan. Panduan Untuk Pegawai Kesihatan dan Kebajikan.
- Preboth, Monica (2000). Prevalence of Inhalant Abuse In Children. *American Family Physician*, February 2. Vol. 61. Issue 4, 1206, 1/3p.
- Rogowski, S. And Harrison, L. (1989). Success With Glue Sniffers. *Community Care Magazine*.
- Sekaran, U. (2000). *Research Method For Business* (3rd Editions) New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sutherland, E.H. (1974). *Criminology*. Philadelphia: J.B, Lippincott Company.
- Teon Eg. Tiga Sahabat Dijumpai Mati Dipercayai Hidu Gam. *Utusan Malaysia*. 11 April 2000.
- Wagner, E.F. (1993). Delay of gratification, coping with stress, and substance use in adolescence. *Experimental and Clinical Psychopharmacology*, 27-43.
- Weinberg, S.K. (1970). *Social Problem in Modern Urban Society*. Englewood Diff, M.J.: Parental Hall, Inc.
- Zikmund, W.G. (1994). *Research Method : Business Research Method* (4th ed.) New York: The Harcourt Brace College Publishers.